

# ICSY100

## ABSTRAK

Bahan bantu belajar amat penting dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Inovasi ini adalah untuk membantu meningkatkan kemahiran murid orang asli tahun 6 SK Sungai Mas (JHEOA) dalam tajuk operasi asas, pecahan, ruang dan koordinat dengan menggunakan kit ICSY100. Inovasi ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah pemerhatian, menemu bual murid secara personal dan analisis dokumen. Inovasi ini melibatkan 8 orang murid daripada tahun 6 (3 lelaki dan 5 perempuan). Dapatan menunjukkan bahawa murid menguasai, mengenal pasti dan menggunakan kit ICSY100 dengan jayanya. Tempoh masa yang diambil untuk menjalankan inovasi ini adalah selama 6 bulan. Dapatan daripada ujian pos menunjukkan 100% murid lulus, berbanding ujian pra 0% lulus. Secara keseluruhan, inovasi ini telah berupaya meningkatkan kemahiran murid dalam tajuk operasi asas, pecahan, ruang dan koordinat dengan jayanya. Implikasi daripada inovasi ini menunjukkan murid yang kurang berminat untuk mempelajari mata pelajaran Matematik menjadi lebih berminat dan markah ujian Matematik juga telah meningkat. Kit ICSY100 ini juga dapat menimbulkan keseronokan dan minat murid dalam pembelajaran Matematik kerana fungsinya yang pelbagai dan boleh dijadikan sebagai permainan. Oleh itu sewajarnya kit ICSY100 diguna pakai bagi murid bermasalah dalam matematik secara khususnya. Kit ICSY100 ini juga telah disebar luas ke seluruh Malaysia bagi memberi ruang dan peluang kepada semua guru matematik untuk mengaplikasikannya ketika PdPc.

Kata Kunci : operasi asas, ruang, koordinat, bahan bantu belajar

## OBJEKTIF

Murid tahun 6 SK Sungai Mas (JHEOA) dapat meningkatkan kemahiran dalam tajuk operasi asas, pecahan, ruang dan koordinat dengan menggunakan kit ICSY100

## KEGUNAAN



- I Can See Your 100
- Saiz 14in x 14in
- Daftar hak cipta dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
- Nombor pendaftaran LY2020000859

## NILAI TAMBAH

Nombor 1 - 19 pada ICSY100 digunakan untuk **Tajuk Operasi Asas** – Operasi tambah dan operasi tolak.


Nombor 1 - 10 pada Lajur Biru dan Baris Biru digunakan untuk **Tajuk Pecahan** – tambah pecahan, tolak pecahan, darab pecahan dan bahagi pecahan.

Nombor 1 - 10 pada Lajur Hijau dan Baris Hijau digunakan untuk **Tajuk Koordinat** – menentukan koordinat suatu titik.

## KEBERKESANAN KOS

Bil.	Bahan	Harga/Unit	Kuantiti	Jumlah
1	Bunting ICSY100 saiz 14in x 14in	RM 1.50	1 keping	RM 1.50
2	Pembaris Lajur dan Baris	RM 0.30	1 keping	RM 0.30
3	Butang Kecil	RM 0.50	2 set	RM 1.00
4	Butang Besar Terpakai	-	5 biji	-
5	Dadu	RM 0.10	2 biji	RM 0.20
6	Kotak	-	-	-
<b>JUMLAH</b>				<b>RM 3.00</b>

## DATA DAN BUKTI



## SEBAR LUAS



## KEBOLEHAN PASARAN




**PERUNTUKAN PANITIA**  
Harga mampu milik kerana kos pembuatannya sangat murah

**GURU**  
Memudahkan PdPc guru & murid apabila melibatkan tajuk operasi asas, pecahan, ruang dan koordinat

**PELUANG**  
Peluang ICSY100 menguasai pasaran sangat tinggi & mudah dimiliki.

**PASARAN TERBUKA**  
Tidak ada lagi bahan bantu belajar seperti ICSY100 dalam pasaran

## KESIMPULAN



- Murid lebih aktif dan berminat untuk belajar matematik terutamanya dalam tajuk operasi asas, pecahan, ruang dan koordinat
- Malah murid juga mampu menterjemahkan pengetahuan sedia ada daripada bahan konkrit (kit ICSY100) kepada semi konkrit (lakaran rajah – bagi tajuk pecahan) atau abstrak dengan jayanya
- Guru berpuas hati dan menyebarkan luas kit ICSY100 kepada guru dan sekolah lain.
- Murid juga lebih yakin untuk menyelesaikan soalan dalam tajuk operasi asas, pecahan, ruang dan koordinat
- Kos yang digunakan untuk menghasilkan kit ICSY100 amat murah dan mudah untuk dihasilkan
- Kebolehpasaran kit ICSY100 untuk berada di dunia pendidikan sangat luas

ICSY100 dapat mencapai objektif inovasi serta membantu menggapai aspirasi murid iaitu Pengetahuan dan Kemahiran Berfikir di bawah PPPM sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.